

17 MAY 2001

OIC-PERSIDANGAN

PERSIDANGAN EKONOMI OIC DIADAKAN DI LANGKAWI NOVEMBER INI

Oleh: Zuraida Abdul Rahman

PULAU PINANG, 17 Mei (Bernama) -- Usahawan-usahawan Islam di seluruh dunia patut membentuk perkongsian pintar bagi menghadapi cabaran-cabaran dan merebut peluang-peluang yang muncul bersama proses globalisasi ekonomi dan perdagangan dalam alaf ini.

Umat Islam di seluruh dunia, termasuk ekonomi-ekonomi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), harus mempertimbangkan dengan serius untuk membentuk perkongsian demikian bagi mengoptimumkan semua peluang dan bertindak balas secara strategik terhadap ancaman globalisasi.

Sejajar dengan ini, Rangkaian Antarabangsa Ekonomi Politik Islam Universiti Sains Malaysia (ISNET-USM), akan menganjurkan satu persidangan dan bengkel bertajuk "Persidangan Ekonomi OIC Langkawi 2001" selama dua hari di Langkawi.

Persidangan yang akan berlangsung dari 8 hingga 12 November itu diadakan dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Islam OIC dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

Pengarah Projek Persidangan, Dr Ishak Che Long berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan acara tersebut.

Bercakap kepada Bernama di sini, beliau berkata bahawa persidangan itu akan membincangkan pra-syarat yang diperlukan bagi kerjasama sedemikian, meneliti peluang perniagaan khusus yang muncul dalam pasaran Islam global yang dinamis dan mencari mekanisme berkesan bagi perangkaian dan rantaian.

Katanya, umat Islam di seluruh dunia harus mengoptimumkan kemajuan ekonomi alaf baru ini, khususnya dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti e-dagang, e-ekonomi dan k-ekonomi, sistem kewangan yang bebas daripada Riba' dan pembangunan industri yang dipercepatkan melalui industri kecil dan sederhana (IKS) serta francais sebagai "jentera pertumbuhan" bagi perusahaan kecil dan sederhana.

Ini akan mempercepatkan pencapaian wawasan untuk melihat Islam sebagai Sistem Dunia berasaskan Haq, tambah beliau.

Dr Ishak berkata bahawa satu ekspo juga dijangka diadakan sempena persidangan tersebut bagi mempamerkan peluang-peluang perniagaan yang ada dalam dunia Islam, pengeluaran penyelidikan dari institusi pengajian tinggi tempatan, dan produk atau perkhidmatan yang ada untuk menyokong usaha niaga global.

Ekspo tersebut akan dibuka kepada orang ramai dan pada masa yang sama, beberapa kegiatan masyarakat seperti khutbah Jumaat dan ceramah umum, juga dirancangan.

Seramai 400 peserta dijangka menghadiri persidangan itu.

Yuran persidangan adalah RM3,800.

Urusetia penganjur boleh dihubungi melalui surat di alamat: ISNET-USM, Jabatan Pendidikan Jarak Jauh, 11800 USM, Pulau Pinang, telefon di talian: 604-8602276, faks di talian: 604-6576000, dan e-mel: isnet@usm.my -- BERNAMA
ZU FR KY OS